

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018 BAHASA MELAYU

Kertas 2 1103/2  
Sept. 2018  
2 ½ jam Dua jam tiga puluh minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

#### Arahan:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2b, Soalan 2c, Soalan 2d, dan Soalan 4 berdasarkan Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

1103/2

[SULIT]

### Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan sekolah sebagai agen pemupukan budaya yang luhur dan kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Tunjang pendidikan tidak berpasak secara total berdasarkan prestasi akademik sebaliknya perlu melihat kepada budaya yang luhur dan seimbang. Walaupun transformasi pendidikan dikatakan bergerak ke arah landasan yang betul namun isu berkaitan dengan permasalahan sosial yang dicetuskan oleh pelajar perlu diselesaikan. Penyelesaian ini penting untuk memastikan pelajar dapat dibentuk serta dibimbang untuk menjadi entiti negara yang berkaliber, bervisi, *mampu mendepani segala cabaran* dan memiliki perwatakan yang terpuji.

Sebagai agen atau unsur yang membawa kepada perubahan masyarakat, sekolah dilihat sebagai lokasi tumpuan untuk mengawal tingkah laku dan membentuk personaliti pelajar. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan yang ditubuhkan bertujuan memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi keperluan kemajuan dan perkembangan individu secara holistik. Sekolah sebagai institusi pendidikan mempunyai strategi tersendiri untuk meningkatkan kualiti dalaman dan luaran bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berketerampilan. Pada asasnya, sekolah ditubuhkan dengan tujuan untuk mendidik para pelajar dengan ilmu pengetahuan yang berlandaskan pelbagai bidang. Pembentukan keperibadian pelajar merupakan satu inti pati penting dalam matlamat penubuhan sekolah kerana guru-guru dipertanggungjawabkan untuk mendidik pelajar yang seimbang dalam semua bidang. Sekolah perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan harmoni agar pelajar terus belajar secara konsisten. Pencapaian sahsiah dan emosi pelajar dapat menentukan pencapaian akademik pelajar secara langsung.

Selain terus mengekalkan matlamat sebagai agen penyebaran pengetahuan, sekolah turut merupakan wahana untuk merealisasikan matlamat pendidikan negara yang berfokuskan pembentukan pelajar yang berilmu, berbudi pekerti dan berpotensi. Matlamat pendidikan seterusnya menampung tenaga kerja pada masa hadapan. Sekolah kini turut dilihat sebagai institusi pendidikan yang berperanan teguh untuk mendidik generasi yang bertamadun tinggi. Seterusnya, pihak sekolah dilihat memainkan peranan penting sebagai pemangkin dan agen perubahan sosial melalui kemajuan dalam bidang pendidikan. Selain menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang sihat dan mantap sekolah juga menerapkan nilai murni dan agama sebagai asas keperibadian yang syumul. Di samping itu, sekolah turut menerapkan aspek perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar berbilang agama dan etnik. Sekolah mengajar mengekalkan corak kehidupan yang dianggap baik. Sebagai contoh, perkara yang berkaitan dengan moral seperti budi bahasa, sopan santun dan sifat hormat menghormati. Selain itu, sekolah turut mengajarkan kebudayaan kebangsaan seperti bendera negara, lagu kebangsaan dan bahasa kebangsaan.

Pendidikan di sekolah perlu mementingkan nilai kemasyarakatan dan perkembangan sifat perseorangan pelajar. Hal itu selari dengan tuntutan perubahan semasa dan sekolah sebagai institusi moral yang perlu mengawasi perkembangan dan perubahan tingkah laku pelajar agar tidak terpesong daripada amalan yang sepatutnya.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Peranan Sekolah Sebagai Agen Pemupukan Budaya yang Luhur dan Seimbang'.  
oleh Azhar Salleh.  
*Dewan Siswa, Ogos 2017*

**Soalan 2(a) – Petikan umum**

*Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- i) Berikan maksud rangkai kata *mampu mendepani segala cabaran*. [2 markah]
- ii) Pengarang telah menyatakan beberapa sebab penubuhan sesebuah sekolah.  
Berikan sebab-sebab sesebuah sekolah ditubuhkan. [3 markah]
- iii) Gejala sosial dalam kalangan pelajar semakin meruncing.  
Pada pendapat anda, apakah implikasi yang akan dihadapi sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan segera? [4 markah]

### Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dalam diam-diam, sebenarnya kami juga ingin tahu, apatah lagi setelah menyedari kehadiran anak gadis Tuan Booth di surau, setiap kali Ahmad Mutawakkil balik ke kampung untuk berceramah.

Perlahan-lahan – barangkali dilemahkan oleh rasa malu kepada diri sendiri kerana sibuk menjaga tepi kain orang – di mata kami, misteri cinta itu akhirnya lenyap tak berjejak.

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita ...”

(Dipetik daripada cerpen “Cinta Ahmad Mutawakkil”  
karya Zainal Rashid Ahmad dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah pandangan Ahmad Mutawakkil untuk mengisi kemerdekaan?  
[2 markah]
- (ii) Seseorang yang bercita-cita untuk menjadi pemimpin, perlu mempunyai ciri-ciri tertentu.  
Pada pendapat anda, nyatakan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemimpin.  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.  
[4 markah]

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-puluhan juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak *penjurit yang berani dan kepetangan*.

(Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan” dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud frasa *penjurit yang berani dan kepetangan?*  
[ 2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah yang diperoleh Kertala Sari setelah dia pulang dari Daha?  
[ 3 markah]
- (iii) Kertala Sari begitu marah apabila mendengar ibunya menyatakan bahawa ayahnya telah dibunuh oleh Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.  
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengatasi perasaan marah dalam diri?  
[3 markah]

**Soalan 2 (d)- Petikan Puisi**

Baca seloka di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersgam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

*Kalung Bunga Zaaba, 2008,*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan rangkap pertama, apakah langkah yang diambil untuk membina istana? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, nyatakan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memastikan kemahiran seni bina tradisional di negara ini dapat dikenalkan. [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam puisi tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) *Tuliskan satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) ulang kaji
- (ii) campur aduk
- (iii) biru laut
- (iv) mendabik dada
- (v) memberi impak
- (vi) mengorak langkah

[6 markah]

- (b) *Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Puan Aishah menasihati Ali agar belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan hampir tiba.
- (ii) Saya telah mencapai keputusan yang baik dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang baru diumumkan pada minggu lepas.
- (iii) Kerajaan akan mengambil kira pandangan rakyat dalam membangunkan negara ini.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) “Saya akan datang kerumah awak pada malam ini jika saya ada lapangan,” kata Alina kepada Aini.
- (ii) Kondaktor bas itu telah marah pekerja asing yang membuat bising di dalam bas itu.
- (iii) Hari Anugerah Cermelang yang diadakan pada setiap tahun adalah untuk dihargai pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan kokurikulum.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Penduduk Taman Seri Murni itu saling tolong-menolong antara satu dengan yang lain untuk mewujudkan majlis rumah terbuka.
- (ii) Anak-anak muda sering bertutur kosong di bawah pokok besar di simpang jalan itu di waktu malam.
- (iii) Semua soalan yang dikemukakan oleh peguam itu saya telah jawab dengan bukti-bukti yang baik.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Permainan tradisional seperti permainan gasing, wau dan congkak merupakan permainan yang \_\_\_\_\_, perlu dipertahankan untuk mengekalkan tradisi Melayu.
- (ii) Hanya disebabkan perangainya yang suka mencuri, habis satu keluarganya turut dituduh, bak kata peribahasa \_\_\_\_\_.
- (iii) Apabila kita berada di tempat orang, kita hendaklah mematuhi peraturan mereka seperti kata pepatah \_\_\_\_\_.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**  
(15 markah)

*Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Jendela Menghadap jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Md. Nizar Parman

- 4 a) Huraikan **dua** latar tempat yang terdapat dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.  
[7 markah]
- b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca. Berikan alasan anda. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**